

**MSWG****MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

## MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Indeks amalan urus tadbir korporat untuk seratus syarikat terbaik yang tersenarai di Malaysia telah meningkat ke tahap 68.2 untuk tahun 2012 berbanding 66.9 pada tahun 2011 berdasarkan metodologi Urus Tadbir Korporat ASEAN. Hasil kajian ini menunjukkan tahap ketelusan syarikat-syarikat tersenarai di Malaysia telah meningkat mungkin disebabkan tahap kesedaran yang lebih tinggi mengenai tadbir urus korporat di kalangan para pengarah dan pengurusan syarikat di samping syarat-syarat penzahiran baru di bawah Keperluan Penyeneraian Bursa Malaysia.

Bagaimanapun antara amalan yang boleh diperbaiki termasuk menzahirkan minit mesyuarat agung di dalam laman web syarikat dan seterusnya kami berharap bahawa syarikat-syarikat di Malaysia mengamalkan praktik ini. Hanya sebuah syarikat tersenarai di Malaysia telah membuat penzahiran minit mesyuarat untuk tahun 2012. Untuk makluman, sebahagian besar syarikat yang tersenarai di negara Thai menzahirkan minit mesyuarat agung tahunan mereka secara sukarela.

Kini kami dalam proses melakukan penilaian urus tadbir korporat untuk tahun 2013 pula. Untuk makluman, keputusan hasil penemuan ini akan diumumkan sempena Majlis Anugerah Tadbir Urus Korporat 2013 yang akan diadakan pada 12 Disember 2013.

Dalam hal antarabangsa pula, Jamie Dimon telah melepaskan jawatannya sebagai pengerusi JP Morgan, yang mana kami lihat sebagai mematuhi urus tadbir korporat yang baik selaras dengan polisi baru dalaman mereka untuk mengasingkan fungsi jawatan ketua pegawai eksekutif dan pengerusi syarikat. Polisi baru di JP Morgan juga telah menetapkan bahawa pengerusi syarikat induk tidak boleh memegang jawatan sebagai pengerusi anak syarikatnya untuk membolehkan peningkatan tahap pemantauan. Penetapan polisi baru ini boleh dijadikan kes yang berguna untuk diamalkan di syarikat tersenarai di Malaysia termasuk syarikat kerajaan (GLC).

Di United Kingdom, langkah-langkah tambahan telah diambil untuk mengawalselia industri perkhidmatan kewangannya. Banyak pembaharuan telah dicadangkan oleh Bank of England ("BoE"), antaranya: kuasa untuk menyinkirkan pihak pengurusan di bank jika tahap urus tadbir tidak menepati piawaian yang ditetapkan, ekoran dari ujian tekanan tahunan.

Cadangan-cadangan BoE ini diumumkan sejeurus selepas berita bahawa tokoh-tokoh kanan perbankan UK boleh dipenjarakan sehingga tujuh tahun di bawah akta baru jika disabit melakukan kecuaiian mengurus syarikat sehingga mengakibatkan kejatuhannya (“*reckless misconduct*”). Pindaan-pindaan di bawah Rang Undang-Undang Reformasi Perbankan (“*Banking Reform Bill*”) ini dianggap sebagai “langkah baikpulih terbesar dalam sistem perbankan UK”. Samada langkah-langkah yang sama boleh diterima pakai di sini boleh diperbahaskan dengan lebih lanjut.

Salam,  
Rita

---

### **PENEMUAN-PENEMUAN AMALAN TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA 2012**

Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia digantikan dengan Kadskor Tadbir Urus Korporat ASEAN (“Kadskor”) sebagai alat utama untuk menilai syarikat-syarikat tersenarai dalam tahun 2012.

Bandingan keputusan dan hasil kajian amalan tadbir urus korporat bagi 100 syarikat terbaik yang tersenarai di Bursa Malaysia menunjukkan jumlah skor purata sebanyak 68.20, meningkat daripada 66.90 yang dicapai pada tahun 2011 meskipun Kadskor 2012 lebih sukar dan meletakkan tahap amalan yang lebih tinggi.

Antara penemuan utama, 85% atau 424 syarikat tidak memberikan penjelasan mengenai polisi dividen mereka. Kira-kira 75% telah menerangkan tentang polisi kemampunan mereka dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan. Secara amnya dari segi penzahiran, skor syarikat berada di antara julat 11% hingga 14% bagi penzahiran mengenai risiko, objektif korporat, polisi Pendedahan Maklumat dan ganjaran Ketua Pegawai Eksekutif dan Lembaga Pengarah. Akhir sekali, 81% syarikat telah menyatakan secara jelas mengenai fungsi dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, dengan kira-kira 17% menzahirkan Piagam Lembaga Pengarah mereka.

(Sila layari laman web kami di <http://www.mswg.org.my> untuk keputusan penuh Kadskor 2012)

### **MAJLIS ANUGERAH TADBIR URUS KORPORAT TAHUNAN MSWG 2013 - NANTIKAN TARIKH INI!**

MSWG akan mengadakan Majlis Anugerah Tadbir Urus Korporat Tahunannya pada 12 Disember 2013 di Pusat Konvensyen Sime Darby, Kuala Lumpur untuk mengumumkan penemuan-penemuan dan keputusan bagi tahun 2013, seterusnya memberikan anugerah kepada syarikat-syarikat terbaik.

Penilaian syarikat-syarikat sedang giat dilaksanakan dan akan dimuktamadkan menjelang akhir November 2013.

Anugerah Tadbir Urus Korporat akan diberikan bagi kategori-kategori berikut:-

- ***Tadbir Urus Korporat Keseluruhan Terbaik*** (berdasarkan penilaian Kadskor Tadbir Urus Korporat dan Indikator Prestasi)

- ***Ketelusan Tadbir Urus Korporat Terbaik*** (berdasarkan hanya kepada penilaian Kadskor Tadbir Urus Korporat ASEAN) bagi :
  - ✓ *Syarikat-syarikat Bermodal Besar*
  - ✓ *Syarikat-syarikat Bermodal Kecil*
- ***Kecemerlangan dalam Industri***
- ***Kepelbagaian Lembaga Pengarah Terbaik***
- ***Mesyuarat Agung Tahunan Terbaik***
- ***Tanggungjawab Korporat Terbaik***

Kami juga akan memperkenalkan kategori-kategori anugerah baru seperti berikut:

- ***Syarikat-Syarikat Pilihan Broker***
- ***Pengerusi Terbaik***
- ***Ketua Pegawai Eksekutif Terbaik***
- ***Hubungan Pelabur Terbaik***

Pembaca surat berita ini juga digalakkan untuk menghubungi kami untuk mencalonkan syarikat-syarikat pilihan anda untuk dipertimbangkan oleh MSWG. Sila e-melkan senarai pencalonan anda kepada [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my).

---

## **KEMASKINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA**

### **UNJURAN EKONOMI MALAYSIA**

Bank Dunia dalam Laporan Ekonomi Asia Timur dan Pasifik yang dikeluarkan Oktober 2013 telah menurunkan unjuran pertumbuhan KDNK Malaysia kepada 4.3% daripada 5.1% unjuran pertumbuhan yang dilakukan pada April 2012. Sebahagian besar penurunan unjuran ini adalah susulan prestasi lemah dalam separuh pertama tahun ini.

Unjuran bagi tempoh terdekat menjangkakan peningkatan pertumbuhan dalam separuh kedua tahun ini apabila permintaan luar negara dijangka pulih dan terdapat peningkatan keyakinan dalam pemulihan ekonomi negara maju.

Bank Dunia menyatakan bahawa impak daripada lanjutan konsolidasi fiskal dan kemungkinan keadaan kredit yang lebih ketat bagi permintaan domestik akan memberi kesan terhadap unjuran pertumbuhan bagi 2014 dan 2015.

Polisi fiskal dijangka akan kekal pada landasan konsolidasi sehingga 2015, untuk mencapai sasaran defisit 3 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK). Ini memerlukan kerajaan untuk menggunakan perspektif jangka masa medium bagi polisi fiskalnya dan komitmen untuk mengawal emolumen, bekalan dan perkhidmatan, juga usaha berterusan untuk menaikkan perolehan cukai selain daripada cukai minyak. Menurut andaian kedudukan asas semasa, defisit ini dijangka akan mengecil daripada 4.1% peratus dalam tahun 2013 kepada 3.6 peratus dalam tahun 2014 dan 3.3 peratus dalam tahun 2015. Dari sudut luaran, lebihan akaun semasa pula dijangka mengecil kepada 3.4 KDNK dalam tahun 2013.

---

## PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

### Harga saham menjunam bagi 3-syarikat tersenarai Singapura yang dimiliki pemilik Malaysia - Blumont Group Ltd, Asiasons Capital Ltd dan Lion Gold Corp. Ltd

Dalam tempoh kira-kira seminggu, tiga syarikat yang dinyatakan di atas yang terutamanya terlibat dalam perniagaan perlombongan atau perniagaan berkaitan mineral telah menyaksikan harga saham-saham mereka menjunam, namun punca kejatuhan harga tersebut masih kurang jelas. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga kaunter tersebut mengalami kejatuhan harga saham dari setinggi kira-kira \$1 minggu lepas hingga serendah \$0.13. Situasi tersebut diburukkan lagi apabila Bursa Saham Singapura (SGX) mengisytiharkan ketiga-tiga saham tersebut sebagai sekuriti bertanda (*designated securities*) pada 4 Oktober. Menurut Peraturan SGX, bursa saham SGX boleh menanda sesuatu sekuriti “jika, pada pendapatnya, telah berlaku manipulasi dalam sekuriti tersebut, spekulasi berlebihan dalam sekuriti, atau ianya perlu dilakukan bagi mengambilkira kepentingan pasaran yang ditubuhkan atau dikendalikan oleh SGX”.

#### Sekuriti Bertanda

SGX boleh mengisytiharkan sesuatu sekuriti yang tersenarai sebagai “Sekuriti Bertanda” jika, pada pendapatnya, telah berlaku manipulasi dalam sekuriti tersebut, spekulasi berlebihan dalam sekuriti, atau ianya perlu dilakukan bagi mengambilkira kepentingan pasaran yang ditubuhkan atau dikendalikan oleh SGX-ST.

Apabila sesuatu sekuriti (atau kaunter) telah ditanda, SGX boleh meletakkan syarat-syarat yang disifatkan perlu untuk melindungi kepentingan pasaran seperti:-

- Penjual sekuriti bertanda boleh menjual sekuriti tersebut hanya jika mereka boleh menunjukkan bukti yang memuaskan bahawa mereka memiliki kuantiti sekuriti bertanda yang mencukupi samada dengan Depositori Pusat atau pemegang amanah yang lain.
- Pembelian sekuriti bertanda hanya dibenarkan jika pembeli membuat pembayaran secara tunai sewaktu pembelian.
- Jualan singkat bagi sekuriti bertanda adalah dilarang.
- Tiada dagangan kontra baru bagi sekuriti bertanda akan dibenarkan. Dagangan kontra sedia ada akan dibenarkan untuk dijual untuk menjelaskan kedudukan.
- Dagangan melalui internet tidak dibenarkan bagi sekuriti bertanda.

#### KOMEN MSWG:

Ramai masih tertanya-tanya dan meneka punca harga saham syarikat-syarikat tersebut menjunam sebegitu rupa. Adakah ketiga-tiga kaunter tersebut menjadi sasaran jualan singkat yang teruk? Adakah telah berlaku manipulasi harga-harga saham hingga menyebabkan saham-saham tersebut ditanda? Atau adakah telah berlaku panggilan margin yang terlalu banyak dan jualan paksa saham-saham yang menyebabkan lebih banyak lagi jualan saham seterusnya mencetuskan reaksi berantai di antara bank-bank yang telah memberi pinjaman margin? Atau adakah terdapat perubahan negatif yang serius di dalam asas-asas fundamental syarikat-syarikat ini yang telah memulakan “malapetaka” ini? Ini adalah soalan-soalan penting yang hanya akan terjawab setelah masa berlalu.

#### Notion VTec Berhad (“Notion”)

Notion akan menerokai perniagaan perlombongan perak di Australia, dengan melanggan 975 juta saham pada harga A\$0.003 sesaham di dalam syarikat yang mencatatkan kerugian, Alcyone Resources Ltd, mewakili 19.9% daripada modal syarikat diperbesarkan sebanyak A\$4.875 juta (RM14.7 juta). Notion Vtec juga berhak mendapat sebuah kerusi pengarah bukan eksekutif di dalam Lembaga Pengarah Alcyone.

Alcyone merupakan pengeluar tulen perak kos rendah berpusat di Queensland. Projek *Texas Silver*nya termasuk Lombong *Twin Hills* dan *Mount Gunyan* yang telah memulakan operasi pengeluaran perak sejak Julai 2011. Ianya mencatatkan kerugian bersih sebanyak A\$10.34 juta berdasarkan perolehan sebanyak A\$20.69 juta bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2013.

Notion menyatakan bahawa langganan ini akan membolehkannya mengembangkan kepakaran dalam mengendalikan logam untuk meneroka aktiviti-aktiviti hiliran dan aktiviti-aktiviti tambah nilai bagi perak dan logam-logam lain.

#### **KOMEN MSWG:**

Walaupun pelaburan ini mungkin merupakan langkah kepelbagaian baik yang diambil oleh Syarikat, Lembaga Pengarah perlu berwaspada terhadap potensi risiko-risiko dalam perlombongan perak yang bukan merupakan kepakaran teras Kumpulan.

#### **Benalec Holdings Berhad (“Benalec”)**

Lembaga Pengarah Benalec telah mengumumkan penamatan Perjanjian Perkhidmatan bagi dua orang Pengarah Eksekutifnya, Datuk Leaw Tua Choon dan Datuk Leaw Ah Chye pada 7 Oktober 2013. Lembaga Pengarah tidak memberikan sebarang alasan bagi penamatan perkhidmatan tersebut dan menyatakan bahawa keputusan tersebut tidak akan memberikan sebarang kesan negatif terhadap perniagaan dan operasi Kumpulan.

#### **KOMEN MSWG:**

Lembaga Pengarah patut memberikan sebab-sebab bagi penamatan perkhidmatan dua orang pengarah eksekutif tersebut supaya pemegang saham dapat menilai samada keputusan yang telah diambil adalah bagi kepentingan terbaik syarikat.

#### **Silver Bird Group Berhad (“SBGB”)**

Pada 7 Oktober 2013 Lembaga Pengarah SGGB telah mengumumkan bahawa ia telah menerima notis daripada juruaudit luar syarikat, Tetuan Baker Tilly Monterio Heng (“BTMH”) mengenai niat mereka untuk meletakkan jawatan sebagai juruaudit Syarikat. Tiada alasan yang diberikan mengenai perletakan jawatan tersebut.

Pada 9 Oktober 2013, Lembaga Pengarah telah memaklumkan bahawa perletakan jawatan juruaudit luar tersebut adalah disebabkan oleh perselisihan mengenai cadangan peningkatan yuran audit memandangkan Syarikat masih menghadapi kekangan kewangan susulan penstrukturan semula Kumpulan. Lembaga Pengarah mencadangkan Tetuan Wong Weng Foo & Co (“WWF”) sebagai juruaudit luar yang baru.

## **KOMEN MSWG:**

Lembaga Pengarah perlu memberi perhatian kepada isu yuran audit dan tidak menggunakan peningkatan dalam yuran audit sebagai alasan untuk menamatkan perkhidmatan BTMH. Lembaga Pengarah perlu memberikan sebab-sebab dan jumlah peningkatan yuran audit yang dicadangkan supaya pemegang saham dapat menilai samada peningkatan yang diminta adalah wajar dan berpatutan. Lembaga Pengarah perlu memastikan kebebasan juruaudit pada setiap masa.

---

## **Penganalisa MSWG**

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)

Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat [chongcf@mswg.org.my](mailto:chongcf@mswg.org.my)

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)

Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat [nghh@mswg.org.my](mailto:nghh@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)

Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan [shahnul.niza@mswg.org.my](mailto:shahnul.niza@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat [cheemeng@mswg.org.my](mailto:cheemeng@mswg.org.my)

Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

---

### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Benalec Holdings Berhad.*
- 

### **Maklumbalas**

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswg.ceo@mswg.org.my](mailto:mswg.ceo@mswg.org.my).

---

### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya beserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti khusus atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*